

Jawatankuasa khas angkat martabat Mahkamah Syariah

Penubuhan diperakui Majlis Raja-Raja kaji isu babit bidang kuasa Persekutuan, negeri khusus DUN

Oleh Rohaniza Idris dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu jawatankuasa khas yang diperakui Majlis Raja-Raja sudah ditubuhkan bagi mengangkat martabat dan meningkatkan kuasa Mahkamah Syariah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jawatankuasa itu juga akan mengkaji isu membabitkan bidang kuasa Persekutuan dan negeri, khususnya Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk mengubal undang-undang syariah.

Perdana Menteri berkata, jawatankuasa itu akan meneliti dan berbincang dengan semua mufti serta pihak berkepentingan bagi mendapatkan pandangan bagi meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Jawatankuasa khas itu akan mengadakan mesyuarat pertama mereka pada 4 Disember depan.

Anwar berkata, Majlis Raja-Raja memberi perkenan supaya jawatankuasa itu melakukan kajian dalam meningkatkan kuasa Mahkamah Syariah dan pada masa sama tidak memberi kesan ke atas golongan bukan Islam.

"Setakat ini, nama (individu yang) menganggotai jawatankuasa khas ini sudah mendapat perkenan Majlis Raja-Raja dan prosesnya mereka mesti berbincang dengan Majlis Agama Islam Negeri dan kerajaan negeri sebelum apa-apa perkara dimuktamadkan.

"Ada kaedah perlu dibincangkan kerana ada negeri agak keras, kurang setuju kalau kita



Mohd Na'im ketika sesi Jawab Lisan pada Sidang Dewan Rakyat di Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)



langgar prinsip yang disebutkan, namun apa sahaja cadangan jawatankuasa ini nanti, haruslah dimaklumkan kepada Majlis Raja-Raja," kata beliau pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Anwar berkata demikian menjawab pertanyaan Mohd Azizi Abu Naim (PN-Gua Musang) berhubung pendirian kerajaan terhadap petisyen difailkan dua wanita yang dilihat mencabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 serta usaha kerajaan bagi memastikan undang-undang Syariah terus terpelihara.

Petisyen itu difailkan Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid yang juga seorang peguam dan anak perempuannya, Tengku Yasmin Nastasha Tengku Abdul Rahman terhadap Kerajaan Negeri Kelantan bagi mencabar Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019,

Mereka memohon Mahkamah Persekutuan mengisytiharkan supaya 18 seksyen kesalahan jenayah syariah dalam Enakmen

Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 adalah terbatal dan tidak sah.

Antara 18 seksyen yang dipertikaikan dalam petisyen mereka adalah memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat (Seksyen 11), liwat (Seksyen 14), persetubuhan dengan mayat (Seksyen 16), gangguan seksual (Seksyen 31) dan menawarkan atau menyediakan perkhidmatan maksiat (Seksyen 43).

Mereka juga memohon mahkamah mengisytiharkan DUN Kelantan tidak mempunyai kuasa membuat enakmen berkaitan kesalahan jenayah syariah yang terpakai kepada orang Islam.

Selaras undang-undang

Perdana Menteri berkata, sebarang keputusan Mahkamah Persekutuan berhubung petisyen dua wanita beragama Islam itu tidak akan menghalang usaha kerajaan untuk terus memperkasa Mahkamah Syariah.

"Sebab itu kita ada jawatankuasa khas ini, untuk selaraskan pelaksanaan undang-undang. Bayangkan kalau negeri diberi ruang sewenang-wenangnya (mengubal undang-undang), semua negeri buat dan nanti semua negeri ada percanggahan," katanya.

Anwar berkata, menerusi jawatankuasa khas itu, sebarang cadangan pindaan dan penambahbaikan Mahkamah Syariah yang

dikemukakan akan diperkenan Majlis Raja-Raja sebelum dibentangkan di Parlimen.

Katanya, rakyat juga harus diberi kefahaman yang betul mengenai kes itu kerana ia bukan mencabar undang-undang Syariah, sebaliknya kuasa negeri dalam Perlembagaan.

"Ada persepsi sebahagian umat Islam ini (petisyen oleh dua wanita) mencabar syariah, kerana orang politik tunggang agama main isu ini, pada hal isunya bidang kuasa negeri buat undang-undang, jadi jangan panaskan suhu politik dan sebar kebencian kononnya PM (Perdana Menteri) tak peduli hal Syariah Islam," katanya.

Perdana Menteri turut membidas pemimpin Perikatan Nasional (PN), mengaitkan Kerajaan Perpaduan menyokong petisyen yang mencabar enakmen berkenaan.

Anwar mempersoalkan kewajaran PN tidak mengambil sebarang tindakan berikutan petisyen itu difailkan sebelum Kerajaan Perpaduan mengambil alih kerajaan.

Beliau turut menyindir Timbalan Presiden PAS, Tuan Ibrahim Tuan Man, yang menyatakan tidak tahu menahu mengenai petisyen itu.

"Bagaimana seorang menteri boleh kata saya tidak tahu. Saya tegaskan di sini kerana ada percubaan seolah kita menentang. Di mana yang kita menentang? Siapa perintah masa itu, siapa Perdana Menteri, siapa Menteri Undang-Undang. Sekarang semua salah pada kita.

"Saya hanya ambil alih (kerajaan) November tahun lalu, sedangkan kes (Iki Putra Mubarak) sejak 2021 dan 2022 (petisyen Nik Elin Zurina). Tidak ada pula mereka nak tubuhkan jawatankuasa khas. Jadi tak usahlah dipolitikkan dan cemarkan Perlembagaan," katanya.

Perdana Menteri meminta semua pihak termasuk ahli politik tidak 'menunggang' isu petisyen difailkan dua beranak itu.

Dalam isu sama, Anwar ber-

kata, kerajaan menghormati keputusan yang bakal diputuskan Mahkamah Persekutuan dan Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat berhubung petisyen itu.

"Ia bagaimanapun tidak menghalang kerajaan untuk melakukan penelitian dan perbincangan berhubung kes itu melalui jawatankuasa khas.

"Ya, Mahkamah Persekutuan akan buat keputusan mengikut pertimbangan mereka, sama ada bidang kuasa di bawah kerajaan negeri atau Persekutuan. Tetapi, apa pun keputusan itu, ia tidak menghalang kerajaan dengan perkenan Raja-Raja Melayu untuk mengadakan penelitian dan berbincang.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata jawatankuasa itu diketuai bekas ketua hakim negara dan dianggotai bekas hakim, wakil Jabatan Peguam Negara, wakil Kehakiman Syariah Negara, wakil majlis agama Islam negeri, ahli akademik yang pakar undang-undang sivil, syariah dan Perlembagaan Persekutuan.

Tanpa menamakan semua individu yang dilantik itu, beliau berkata, mereka yang dilantik adalah dalam kalangan pakar dan pengamal undang-undang berkelayakan.

Katanya, jawatankuasa khas itu juga akan meneliti alasan penghakiman dikemukakan, termasuk kes yang telah diputuskan membabitkan Iki Putra Mubarak dan petisyen difailkan Nik Elin Zurina.

"Kita harap jawatankuasa itu setelah meneliti alasan penghakiman dalam kes Nik Elin akan mengemukakan syor, termasuk keperluan meminda mana-mana undang-undang atau Perlembagaan," katanya.

Beliau berkata, syor jawatankuasa itu akan dibawa kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) sebelum mendapat perkenan Majlis Raja-Raja.